

---

## SEKTOR–SEKTOR DI BAWAH KETSA YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 1 BERMULA 1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021

1 JUN 2021

---

Putrajaya – Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) komited dalam membantu usaha Kerajaan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1, beberapa perkhidmatan di bawah KeTSA telah dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) serta dibenarkan untuk beroperasi sepanjang tempoh PKP ini. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut meliputi aktiviti-aktiviti di bawah sektor-sektor berikut:

- (i) Pembekalan Elektrik;
- (ii) Pengurusan Perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan); dan
- (iii) Pengurusan Hidupan Liar dan Kawasan Perlindungan (terhad kepada penguatkuasaan dan aktiviti terpilih).

### **Aktiviti-Aktiviti Yang Dibenarkan Di Bawah Sektor Pembekalan Elektrik Di Semenanjung Dan Sabah**

Bagi Sektor Pembekalan Elektrik di Semenanjung dan Sabah, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan untuk menjamin kelangsungan perkhidmatan bekalan elektrik adalah seperti berikut:

- (i) pemulihan bekalan, pembaikan kerosakan dan pengendalian sistem bekalan elektrik;
- (ii) pelaksanaan projek-projek pengukuhan sistem dan penyelenggaraan yang kritikal bagi sistem bekalan elektrik yang akan ditentukan oleh TNB dan SESB;

(iii) perkhidmatan pengguna iaitu:

- a) bacaan meter dan penghantaran bil fizikal di premis pelanggan. Bagi kawasan PKPD, ia tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa;
- b) operasi Kedai Tenaga di Semenanjung dari pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari manakala Pusat Khidmat Pelanggan di Sabah tidak akan beroperasi sepanjang tempoh PKP Fasa 1. Urusan pembayaran bil, pertanyaan berkaitan bil dan akaun, pemotongan dan penyambungan bekalan serta aduan dan permintaan perkhidmatan lain boleh dibuat secara atas talian atau dengan menghubungi TNB CareLine (1300-88-5454 atau 15454) dan SESB CareLine (088-515000 atau 15454). Urusan pembayaran bil juga boleh dibuat di mesin kiosk pembayaran layan diri yang beroperasi dari pukul 8:15 pagi hingga 8:00 malam di Semenanjung dan 24 jam di Sabah; dan
- c) penyambungan bekalan baharu dan pemasangan meter yang kritikal (yang akan ditentukan oleh TNB dan SESB, umpamanya kepada fasiliti kesihatan, pusat vaksin dan sebagainya).

### **Aktiviti Pembangunan Tenaga Boleh Baharu Yang Dibenarkan**

- Kerja-kerja pembangunan projek-projek Tenaga Boleh Baharu di bawah Program *Large Scale Solar* (LSS), *Net Energy Metering* (NEM) dan *Feed-In Tariff* (FiT) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP Fasa 1 **kecuali** bagi projek-projek sedia ada yang perlu diteruskan bagi memastikan keselamatan awam dan keselamatan di tapak projek.
- Bagi loji jana kuasa bekalan elektrik yang bersambung ke grid (termasuk loji jana kuasa mini hidro, solar, biojisim dan biogas) yang telah beroperasi, hanya kerja-kerja operasi harian dibenarkan dengan bilangan pekerja digalakkan tidak melebihi 30% dan had maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak 50%. Bilangan pihak pengurusan hendaklah tidak melebihi 10%.

## **Kebenaran Beroperasi Sepanjang Tempoh PKP Fasa 1**

- Bagi syarikat-syarikat yang belum mendapat kelulusan rasmi daripada KeTSA untuk beroperasi sepanjang tempoh PKP Fasa 1, permohonan boleh dikemukakan melalui portal *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0* yang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

## **Tiada Pemotongan Bekalan Elektrik Sepanjang Tempoh PKP**

- Kerajaan juga memutuskan bahawa tiada pemotongan bekalan elektrik di Semenanjung dan Sabah sepanjang tempoh PKP ini.

## **Aktiviti Yang Dibenarkan Di Bawah Sektor Pengurusan Perhutanan**

- Bagi Sektor Pengurusan Perhutanan di Semenanjung, hanya Operasi Penguatkuasaan sahaja dibenarkan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan kawasan litupan hijau dan hutan terus terpelihara.
- Sebagai langkah tambahan, segala aktiviti dalam Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri tidak dibenarkan kepada pengunjung.

## **Aktiviti-Aktiviti Yang Dibenarkan Di Bawah Sektor Pengurusan Hidupan Liar Dan Kawasan Perlindungan**

Untuk terus melindungi khazanah sumber biodiversiti negara, hanya Operasi Penguatkuasaan bagi Sektor Pengurusan Hidupan Liar dan Kawasan Perlindungan sahaja dibenarkan beroperasi. Operasi ini meliputi aktiviti-aktiviti berikut dengan kapasiti terhad dan **tidak membabitkan** sebarang lawatan atau kehadiran pengunjung:

- (i) Pengoperasian Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (PMHLK);

- (ii) Aktiviti Pengurusan Hidupan Liar di Zoo dan Pameran Tetap serta Pembiakbakaan Hidupan Liar; dan
- (iii) Operasi Penguatkuasaan Hidupan Liar.

## **Penguatkuasaan SOP**

Kesemua SOP ini akan berkuatkuasa bagi tempoh 14 hari dan akan dinilai semula pelaksanaannya setelah tamat tempoh ini.

KeTSA sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang penting di bawah kawal selia Kementerian diteruskan dengan meminimakan impak kepada rakyat di sepanjang tempoh PKP ini. KeTSA juga akan terus beroperasi berdasarkan kepada Surat Arahan JPA yang berkuatkuasa sepanjang tempoh PKP Fasa 1. Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan kepada talian *hotline* **03 – 8886 1665 / 019 – 669 6842** atau emel kepada ***ketsa.spab.gov.my***.

Dalam masa yang sama, saya menyeru kerjasama semua pihak supaya sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa dalam membendung penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**1 JUN 2021**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia